

INFO **Zakat**

KELUARAN 3/2021



www.zakatpenang.com

EDARAN PERCUMA



ZPP SALUR RM300,000 KEPADА MANGSA BANJIR



Dapatkan maklumat berkaitan Zakat Pulau Pinang, MAINPP di pelbagai medium rasmi kami:



04-5498088



Laman web rasmi:
zakatpenang.com



Portal Pengguna:
zakatpenang2u.com

"Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibelia"

ZPP Salur RM300,000 kepada mangsa banjir

25 Disember 2021, Bukit Mertajam : Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah memperuntukkan RM300,000 untuk membantu umat Islam yang terkesan akibat banjir besar yang melanda Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Misi Bantuan Banjir Selangor & Wilayah Persekutuan Agensi-agensi Di Bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang diketuai ZPP telah dilepaskan oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman di Masjid Daerah Seberang Perai Tengah.

Misi sukarelawan kali ini turut disertai kakitangan MAINPP, Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Wakaf Pulau Pinang, Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB) dan Masjid Daerah SPT.

Bantuan bernilai RM300,000 tersebut telah disalurkan kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Selain itu, sukarelawan Misi Bantuan Banjir turut membantu membersihkan sekolah KAFA Integrasi Nurul Huda di Parit Mahang, Jeram, Selangor yang turut terkesan akibat banjir.

Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali mengambil kesempatan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pembayar zakat di Pulau Pinang yang menunaikan tanggungjawab untuk membantu golongan yang memerlukan khususnya yang terjejas akibat bencana banjir ini melalui dana zakat yang diagihkan.



YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman (tengah) menyerahkan sumbangan bernilai RM50,000 kepada Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman, Presiden dan Naib Canselor Universiti Selangor (UNISEL) bagi pelaksanaan misi bantuan pascabanjir di Selangor.



Yang Dipertua MAINPP, YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman menyerahkan sumbangan Bantuan Mangsa Banjir berjumlah RM150,000 kepada YBhg. Dato' Hj. Mohd Shahzihan Ahmad, Anggota MAIS merangkap SS Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)



Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali (berdiri hadapan tengah) menyerahkan sumbangan Bantuan Mangsa Banjir berjumlah RM100,000 kepada Mohd Nizam Yahya, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP (Berdiri hadapan dua dari kiri) untuk diagihkan.



Sukarelawan Misi Bantuan Banjir turut membantu membersihkan sekolah KAFA Integrasi Nurul Huda.



Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali, menyerahkan alatan pembersihan kepada pihak sekolah KAFA Integrasi Nurul Huda.



Pelancaran Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang Tahun 2021 disempurnakan oleh YB Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin Abdil Rahman sambil disaksikan oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor dan Encik Amran Hazali.

Gimik penyerahan Bantuan Khas COVID 19 yang akan diagihkan oleh ZPP.

Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang Tahun 2021

25 November 2021, Gelugor : Matlamat utama penganjuran Program Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang Tahun 2021 (BZNPP21) ini bertujuan untuk menyemarakkan kesedaran berzakat kepada semua umat Islam di Pulau Pinang seterusnya memberi manfaat dan impak yang besar kepada pembayar dan asnaf penerima zakat khususnya di negeri Pulau Pinang.

Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, En. Amran Hazali berkata, program ini turut menyantuni pembayar dan penerima zakat, selain meningkatkan kesedaran terhadap kewajipan menunaikan zakat dalam kalangan umat Islam di negeri ini.

Terdapat 23 aktiviti yang telah dirancang oleh ZPP sepanjang program yang akan berlangsung sehingga akhir bulan Disember.

Antaranya ialah seperti Penyerahan Bantuan Khas COVID 19 kepada penerima bantuan Zakat Pulau Pinang yang berjumlah RM1.9 juta, Majlis Penyerahan Bantuan Dermasiswa Pengajian, Majlis Penyerahan Saguhati Guru Quran, Majlis Penyerahan Bantuan Mangsa Banjir di Yan Kedah dan aktiviti-aktiviti dakwah serta keilmuan zakat yang sangat penting untuk disampaikan kepada umat Islam di Pulau Pinang.

Semoga penganjuran Program Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang Tahun 2021 ini berjaya mempromosi dan menyebarluaskan informasi berkaitan kewajipan ibadah zakat dan pengurusan zakat oleh ZPP.

BZNPP21 telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman di Masjid Jamek Sungai Gelugor. Turut hadir, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd Noor, YDH CP Dato' Mohd Shuhaily Mohd Zain, Ketua Polis Pulau Pinang, Ahli-ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Pegawai-pegawai Tadbir Agama Daerah, Ahli ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang, Ketua-ketua Jabatan, Pengerusi serta ahli-ahli jawatankuasa Masjid Jamek Sungai Gelugor.



PELANCARAN BUKU REKAYASA ZAKAT

Disempurnakan Oleh

**YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin
Bin Abd Rahman**

Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang
Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
Disempena 15 Disember 2021 (Rabu) Jamadilawal 1443H
12.00 Tengah Hari
Hotel Ixora, Perai
Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



Seminar Isu Kefatwaan Zakat 2021 (SIFZA 2021) dan Pelancaran Buku Rekayasa Zakat

15 Disember 2021, Perai : Bersempena Sambutan Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang Tahun 2021 (BZNPP21), Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Seminar Isu Kefatwaan Zakat 2021 (SifZa 2021) dan Pelancaran Buku Rekayasa Zakat.

Dalam program yang julung-julung kali diadakan ini, isu-isu kefatwaan zakat terkini seperti Kajian Zakat Emas Perhiasan Berdasarkan Uruf di Negeri Pulau Pinang dan Kajian Penetapan Had Kifayah Asnaf Negeri Pulau Pinang telah dibentangkan oleh Panel Penyelidik yang terdiri daripada Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia melalui geran penyelidikan Zakat Pulau Pinang. Dua kajian yang dibentangkan di dalam seminar ini merupakan kajian semakan terhadap keperluan muzakki dan mustahiq dalam pengurusan zakat masa kini di Pulau Pinang

Kajian Zakat Emas Perhiasan Berdasarkan Uruf di Negeri Pulau Pinang merupakan kajian semakan yang dilakukan selepas sekian lama Zakat Pulau Pinang menggunakan kadar 165 gram ke atas keseluruhan emas bagi dikenakan zakat. Hasil kajian yang terbaharu ini telah menetapkan kadar 250 gram pemakaian emas yang melebihi uruf dikenakan zakat seperti yang dibentang oleh panel penyelidik dalam seminar berkenaan.

Kajian penentuan had Kifayah Asnaf Negeri Pulau Pinang pula adalah kajian semakan terhadap had kifayah yang dilaksanakan sejak tahun 2003. Relevan semakan had kifayah ini adalah keperluan yang mendesak disebabkan perubahan reality kehidupan dari segi kos sara hidup yang meliputi parameter terkini dalam kelangsungan hidup seseorang individu.

Dalam SifZa 2021 ini juga, Zakat Pulau Pinang telah melancarkan sebuah buku bertajuk Rekayasa Zakat. Buku hasil suntingan Dr. Mohamad Salleh Abdullah dan Dr. Wafdi Auni Mohamed ini mengumpulkan 65 artikel daripada Pertandingan Penulisan Artikel Popular Zakat yang diadakan sempena Sambutan 25 Tahun Zakat Pulau Pinang pada tahun 2019 yang lalu serta artikel-artikel yang pernah disiarkan dalam akhbar tempatan. Buku ini menampilkan gabungan pelbagai cadangan dan percambahan fikiran yang boleh digunakan dalam mentransformasikan pengurusan zakat secara menyeluruh.

Majlis penutup SifZa 2021 disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman. Turut hadir, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd Noor, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ustaz Ahmad Fahmi Abu Bakar, Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Encik Muhasdey Muhamad dan Dr. Wan Nor Hassan, Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang.





Bantuan Dermasiswa dan Saguhati Guru Agama Negeri Pulau Pinang

7 Disember 2021, Perai : Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah mengadakan Majlis Penyerahan Bantuan Dermasiswa & Saguhati Guru Agama Tahun 2021. Dalam majlis berkenaan, Bantuan Dermasiswa Pengajian berjumlah RM10,425,000 telah disalurkan kepada pelajar-pelajar asnaf di Pulau Pinang.

Jumlah ini meliputi pembiayaan yuran pengajian kepada 2,568 orang pelajar yang belajar di institusi pengajian tinggi dalam negara yang merangkumi peringkat diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana (Master) dan ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Bantuan ini turut meliputi pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran khususnya di bidang Pengajian Islam dan perubatan di luar negara seperti di Mesir, Jordan, Morocco, Lubnan dan Indonesia.

Di dalam majlis yang sama, Zakat Pulau Pinang turut menyalurkan Saguhati Guru Agama berjumlah RM232,000 kepada 290 orang guru-guru agama di Pulau Pinang. Guru-guru agama yang terlibat menerima saguhati sebanyak RM800.00 setiap seorang secara one-off.

Penyerahan kedua-dua bantuan ini telah diadakan serentak dalam satu Majlis Penyerahan Bantuan Dermasiswa Pengajian dan Saguhati Guru Agama. Majlis bertempat di Hotel Ixora ini telah disempurnakan oleh Timbalan YDP MAINPP, YBhg. Dr Roslan Ahmad sambil disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, YBrs En. Amran Hazali.

Majlis turut dihadiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Bantuan IPT MAINPP, YBhg. Tuan Syed Mohamad Nazli Syed Ahmad, Pengarah JHEAIPP, YBhg. Dato' Mohd Zukan Haji Zakaria dan Setiausaha MAINPP, YBhg. Dato' Haji Samsudin Bakar.



Timbalan YDP MAINPP, YBhg. Dr Roslan bin Ahmad menyerahkan mock cheque Bantuan Dermasiswa Pengajian kepada En. Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP sebagai simbolik untuk diagihkan kepada para pelajar.



Timbalan YDP MAINPP, YBhg. Dr Roslan bin Ahmad menyerahkan mock cheque Saguhati Guru Agama kepada En. Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP sebagai simbolik untuk diagihkan kepada guru-guru agama seluruh negeri Pulau Pinang.





Majlis Penyerahan Mesin Oksigen Dan Geran Kepada Hospital



30 November 2021, Seberang Jaya : Majlis yang diadakan saban tahun ini telah berlangsung di The Light Hotel, Seberang Jaya. Ianya turut diadakan bersempena sambutan Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang Tahun 2021. Bermula pada tahun 2015, Zakat Pulau Pinang telah memperuntukkan geran kepada Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital-Hospital Negeri Pulau Pinang bagi tujuan membantu golongan asnaf fakir dan miskin yang memerlukan bantuan perubatan segera. Antara bantuan perubatan seperti kos rawatan, kos pengangkutan ke hospital, kerusi roda, susu formula, lampin pakai buang, tongkat dan lain-lain lagi.

Untuk tahun ini, Zakat Pulau Pinang memperuntukkan geran tahunan zakat sebanyak RM162,000 kepada 5 buah hospital dan sebuah klinik kesihatan seperti berikut :

1. Hospital Besar Pulau Pinang menerima sebanyak RM100,000
2. Hospital Seberang Jaya menerima sebanyak RM35,000
3. Hospital Bukit Mertajam menerima sebanyak RM10,000
4. Hospital Kepala Batas menerima sebanyak RM10,000
5. Hospital Sungai Bakap menerima sebanyak RM5,000
6. Klinik Kesihatan Barat Daya menerima sebanyak RM2,000

Objektif geran tahunan zakat ini diwujudkan adalah bagi meringankan beban pesakit beragama Islam yang kurang berkemampuan dan memerlukan pembiayaan bagi menjalani rawatan di hospital dan ianya diuruskan oleh Jabatan Kerja Sosial Perubatan.

Dalam majlis yang sama, Zakat Pulau Pinang juga telah menyumbang Mesin Bantuan Oksigen sebanyak 35 unit. Nilai keseluruhan mesin tersebut adalah sebanyak RM160,000

Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, En. Amran Hazali turut menzahirkan kesyukuran kerana Zakat Pulau Pinang dapat meneruskan kerjasama dengan Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital-Hospital Negeri Pulau Pinang menerusi geran tahunan zakat ini.

Majlis telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman. Turut hadir, YBhg. Dr. Ma'arof Sudin, Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Pengarah-pengarah Hospital serta pegawai-pegawai Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital-hospital Negeri Pulau Pinang.

Semoga kerjasama strategik ini, mampu meningkatkan kualiti kesihatan para asnaf dalam mendapatkan rawatan dan perubatan terbaik di hospital dan klinik di Pulau Pinang.

Penandatanganan Memorandum Perjanjian di antara ZAKAT PULAU PINANG dengan GRABCAR

15 Disember 2021, Perai : Satu Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian di antara Zakat Pulau Pinang dengan GrabCar telah diadakan sempena Sambutan Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang Tahun 2021.

Program kerjasama Zakat Pulau Pinang dengan GrabCar ini adalah satu usaha kempen berzakat dalam kalangan pemandu Grab dan penghantar makanan Grab yang beragama Islam bagi memudahkan mereka menunaikan kewajipan rukun Islam ketiga iaitu menunaikan zakat pendapatan.

Dengan termeterainya memorandum perjanjian (MOA) ini, pemandu atau penghantar makanan Grab boleh menunaikan zakat setiap kali menerima penumpang atau tempahan yang mana bayaran zakat ditolak secara automatik daripada upah yang diterima oleh mereka. Kaedah ini dapat memastikan setiap upah yang diperoleh pemandu atau penghantar adalah bersih.

Berdasarkan fatwa mengenai kewajipan zakat penggajian/pendapatan yang diwartakan oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang pada 26 April 2001 bahawa seseorang dikenakan zakat atas pendapatan atau penggajian yang diterima sebagai gaji atau upah kerja atau perkhidmatan yang dilakukan mengikut masa tertentu termasuk elauan, imbuhan atau bonus daripada apa-apa pekerjaan dan perkhidmatan profesional dan bukan profesional.



MOA ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang, Encik Amran Hazali dan Encik Azlan Anwar, Ketua Pembangunan Bisnes dan Kerjasama Strategik - Wilayah Utara Grabcar Sdn Bhd. Majlis turut disaksikan oleh Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd Noor dan Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Ustaz Ahmad Fahmi Abu Bakar. Turut hadir, Encik Muhasdey Muhamad dan Dr. Wan Nor Hassan, Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang.

Semoga dengan usaha murni GrabCar Sdn Bhd ini dapat memberikan kesedaran dan peluang berzakat dalam kalangan pemandu atau penghantar makanan Grab di Pulau Pinang sekaligus memberi manfaat dan impak yang besar kepada pembayar dan penerima zakat khususnya di negeri Pulau Pinang.





Celcom Sumbang Peranti Tablet Kepada Pelajar Asnaf

6 Disember 2021, Seberang Jaya : Majlis Penyampaian tablet ini merupakan kerjasama di antara Celcom Axiata Berhad dan Zakat Pulau Pinang, MAINPP.

Celcom Axiata Berhad telah menyumbangkan peranti tablet dan talian internet kepada 15 orang pelajar calon SPM 2021 daripada 3 buah sekolah terpilih di sekitar Bukit Mertajam. Sekolah berkenaan adalah SMA Ibrah, SMA Al Ahmadiah Al Ijtimaiah dan SMA Faqih Damiah. Ketua Tanggungjawab Korporat dan Perhubungan Kerajaan Celcom Axiata Berhad, Encik Areehan Abdullah, berkata, jumlah keseluruhan untuk program ini adalah sebanyak RM11,000. Program CSR daripada Celcom Axiata Berhad ini merupakan wakalah zakat Celcom Axiata Berhad yang dikembalikan semula untuk diagihkan sendiri kepada pelajar-pelajar asnaf.



Ketua Tanggungjawab Korporat dan Perhubungan Kerajaan Celcom Axiata Berhad, Encik Areehan Abdullah (Dua dari kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Encik Amran Hazali (Dua dari kiri) beramah mesra bersama para penerima.





Perasmian projek PELADANG USAHAWAN ASNAF

16 Disember 2021, Ara Kuda : Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah mengadakan Majlis Perasmian Projek Peladang Usahawan Asnaf.



Projek Peladang Usahawan Asnaf yang terletak di Jalan Ara Kuda, Seberang Perai berkenaan bermula pada Mac 2020. Ianya menjadi program agihan dana zakat secara produktif yang melibatkan kerjasama pintar Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang melalui Wakaf Pulau Pinang dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dalam merintis hasrat Zakat Pulau Pinang menjayakan agenda pemerkasaan asnaf di Pulau Pinang.

Seramai 6 orang yang terdiri daripada asnaf zakat telah menerima tajaan dan seterusnya diberikan latihan kemahiran berkaitan kerja-kerja penanaman pokok dan pengurusan ladang nanas dengan mendapatkan nasihat dan latihan daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, Pulau Pinang iaitu sebuah agensi kerajaan persekutuan yang bertanggungjawab memajukan penanaman nanas di seluruh negara.

Projek Peladang Asnaf Nanas ini merupakan cetusan idea yang dikemukakan oleh Mantan Pengerusi Zakat Pulau Pinang sesi 2017-2019, YBhg. Dato' Abdul Malik Abul Kasim, yang berhasrat menjadikan penanaman nanas salah satu inisiatif untuk menjana pendapatan golongan asnaf.

Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang, Encik Amran Hazali turut berharap agar Projek Peladang Asnaf Nanas ini berjaya memperkasa para peserta asnaf seterusnya mampu menjadi usahawan berjaya dan menjadi seorang pembayar zakat di Pulau Pinang suatu hari nanti.



Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman. Turut hadir, Puan Aini Mohamad Amin, Pengarah Wilayah Utara, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, YBhg. Dato' Abdul Malik bin Abul Kasim, YB. Haji Mohd Tuah Ismail, Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Encik Ahmad Ghazali Muhammad Nadzri, wakil YB Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang, Encik Mohd Hafiz Jaafar, Pegawai Pertanian Daerah Seberang Perai Tengah, Encik Muhasdey Muhamad dan Dr. Wan Nor Hassan, Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang.





Majlis Penandatanganan MOA Projek MASA@Sungai Nibong, ZPP dengan USM (ISDEV)



24 November 2021, Bayan Lepas : MASA@Sungai Nibong merupakan singkatan kepada Projek Makmal Sosio-Akademik di Pangaspuri Wakaf Siti & Hajah Norijah di Sungai Nibong yang diusahakan oleh Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kerjasama Zakat Pulau Pinang (ZPP) yang disokong Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP).

MASA@Sungai Nibong ini berhasrat membangunkan 24 buah keluarga asnaf (merupakan 10% ke bawah golongan B40 yang diperoleh daripada data ZPP) yang telah dipilih untuk mengikuti Modul Pembangunan Insaniah yang telah dibangun oleh pihak ISDEV, USM dengan harapan bukan sahaja dapat mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan malah dapat membentuk muzakki yang lebih beriman dan bertaqwa. Hasrat ini sekaligus sebagai usaha untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari, SDGs (1- Sifar kemiskinan; 10 - Mengurangkan ketidaksamaan; 11 - Bandar dan komuniti lestari; dan 17 - Kerjasama untuk matlamat).

Projek ini dilaksanakan di Pangaspuri Wakaf Siti & Hajah Norijah supaya dapat membentuk satu Komuniti Muslim Bandar sebagai salah satu hasil manfaat Wakaf tersebut.

Dalam upacara penandatanganan tersebut, ZPP diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Encik Amran Hazali dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) ZPP, Encik Mohamad Kairi Ghazalli sementara USM (ISDEV) diwakili Profesor Dr. Md Roslan Hashim, Timbalan Naib Canselor Kelestarian dan Pembangunan Institusi USM dan Dr Shahir Akram Hassan, Pengarah ISDEV, USM.

Simbolik penandatanganan MOA tersebut telah disaksikan oleh YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Turut hadir, Setiausaha MAINPP, YBhg. Dato' Haji Samsudin bin Bakar, pensyarah-pensyarah USM serta kakitangan ZPP.

Bantuan Rumah SKIM INAPAN KASIH



4 Disember 2021, Sungai Bakap : Lima keluarga asnaf di sini melahirkan rasa syukur dan terharu apabila menerima rumah baharu, Skim Inapan Kasih Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Puan Sharipah Zakariya, salah seorang penerima Skim Inapan Kasih ZPP, menyifatkan bantuan yang diberikan oleh ZPP telah memberikan sinar baharu buat dia dan keluarga bagi menjalani kehidupan lebih selesa kini.

"Hari ni saya rasa terharu, gembira dan sangat bersyukur kerana ibarat impian jadi kenyataan. Dah lama mengharapkan ada rumah sendiri kerana sebelum ni hidup di rumah yang disediakan oleh pihak sekolah. Terima kasih banyak kepada Zakat Pulau Pinang dan pembayar-pembayar Zakat Pulau Pinang. Saya berazam satu hari nanti saya boleh jadi pembayar zakat macam orang lain juga supaya orang lain pula dapat peluang dan rumah macam saya." katanya ketika ditemui selepas majlis penyerahan kunci Skim Inapan Kasih ZPP.

Penyerahan kunci rumah baharu tersebut telah disempurnakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Operasi ZPP, En. Mohamad Kairi Ghazalli.

Turut hadir, Tn. Haji Mat Nor Hashim, Pengurus Kariah Masjid Baru (Utara), Sungai Bakap.

Empat lagi penerima kunci rumah Skim Inapan Kasih ZPP dalam majlis yang sama adalah Idrus Saidi Ajeh dari Sungai Bakap, Azhar Ahmad dari Machang Bubok, Mat Khairi Mohamad dan Najib Yahaya dari Sungai Aceh.





Lawatan kerja Zakat Pulau Pinang ke Lembaga Zakat Negeri Kedah

14 November 2021, Alor Setar : Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah mengadakan lawatan kerja ke Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang diketuai oleh En. Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP. Rombongan ZPP disambut mesra oleh Dato' Syeikh Zakaria Othman, Ketua Pegawai Eksekutif LZNK serta pegawai-pegawai atasan LZNK.

Lawatan kerja ini dapat memberi peluang merapatkan ukhuwah serta bertukar-tukar pandangan dan pengalaman masing-masing dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam pengurusan kutipan dan agihan zakat.

Dalam lawatan ini juga, ZPP telah menyerahkan bantuan untuk mangsa banjir yang berjumlah RM50,000 dari sumber Tabung Bantuan Kemanusian ZPP. Sumbangan tersebut bertujuan bagi membantu mangsa banjir di negeri Kedah.



En. Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP menyerahkan mock cheque Sumbangan Mangsa Banjir Negeri Kedah 2021 kepada Dato' Syeikh Zakaria Othman, Ketua Pegawai Eksekutif LZNK.



Kempen berzakat ZPP selaras norma baharu

Guna media sosial galak orang ramai bantu pacu sosioekonomi umat Islam

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

BUKIT MERTAJAM

Zakat Pulau Pinang (ZPP) mengoptimumkan kempen Akhir Tahun ZPP kali ini dengan mempromosikannya melalui pelbagai medium termasuk media sosial.

Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali berkata, untuk tahun ini, kempen diadakan secara digital iaitu promosi dan dakwah zakat melalui medium baharu antaranya Facebook, TikTok, Instagram, Twitter dan beberapa lagi yang bersesuaian serta selaras dengan norma baharu.

Menurutnya, bagaimanapun kaedah kempen secara konvensional turut digerakkan agar keterangkuman dakwah zakat dapat meliputi di segenap masyarakat Muslim di Pulau Pinang.

"Kempen ini adalah salah satu aktiviti yang terdapat dalam Kempen Bulan Zakat ZPP untuk meningkatkan kesedaran berzakat dalam kalangan umat Islam."

"Dalam erti kata lain, bukan saja untuk mereka membayar kepada ZPP tetapi untuk memberitahu kepada golongan asnaf bahawa Islam memiliki mekanisme untuk membantu mereka."

"Ja sekali gus menuaikan hasrat ZPP untuk mewujudkan keseimbangan sosioekonomi di Pulau Pinang khususnya dalam kalangan umat Islam. Inilah tujuan mengoptimalkan kempen ZPP pada tahun ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Amran berkata, ZPP berharap dengan usaha yang dijalankan melalui kempen tersebut, ia akan meningkatkan kesedaran umat Islam di Pulau Pinang terhadap ibadat zakat, tambahan pula negara diuji dengan pandemik Covid-19 sejak hampir dua tahun lalu.

"Kami juga berharap Bantuan Dana Zakat ZPP dapat menjamin pembangunan sosioekonomi ummah di Pulau Pinang dengan memberi suntikan terhadap keupayaan pembangunan



AMRAN

kehidupan asnaf dari sudut material dan spiritual (agama) yang berdepan dengan cabaran pasca pandemik Covid-19," katanya.

Dalam pada itu, Amran berkata, Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang (BZNPP) 2021 adalah salah satu daripada kempen akhir tahun ZPP dan tiada tema khas digunakan pada tahun ini.

"Kempen ini lebih kepada objektif utama iaitu menggalakkan masyarakat untuk membayar zakat sebelum 31 Disember ini untuk melayakkkan mereka menikmati rebat eukai. ZPP juga menawarkan hadiah untuk mereka yang membayar zakat.

"ZPP menawarkan Skim Kafalah Mahabbah atau skim khairat kematian berjumlah RM1,000 yang memberi manfaat kepada waris pembayar dengan bayaran zakat minimum RM100.

"Kami juga menyediakan cenderahati menarik di semua kaunter selain mengadakan kuiz zakat yang menawarkan baucar membeli-belah. ZPP juga mengadakan peraduan video di aplikasi TikTok yang menyediakan hadiah wang tunai kepada penang," katanya.

Perluaskan kempen

Menurut Amran, kempen berkenaan tidak menyasarkan golongan tertentu tetapi ia untuk umum iaitu seluruh masyarakat yang layak dan wajib menuaikan zakat.

"Walaupun ia secara umum, kami mengadakan kempen zakat perniagaan yang dikhususkan kepada peniaga dan syarikat korporat. Melalui kempen ini, kami menggalakkan bayaran zakat terus kepada ZPP atau wakil kutipan yang dilantik (oleh ZPP).

"ZPP juga melakukan kempen taksiran korporat menerusi Bahagian Dakwah Korporat yang telah turun ke Iapangan untuk berjumpa dengan syarikat serta perniagaan berdaya maju di Pulau Pinang antaranya Pharmaniaga Sdn Bhd, UEM Edgenta Mediserve Sdn Bhd, Al-Hadad Marketing Sdn Bhd, Perniagaan Nasi Kandar Hussain Tajuddin,



Amran mencuba kios baharu pembayaran zakat. Lokasi kios adalah di ibu pejabat Bandar Perda, kaunter Kepala Batas dan kaunter Bayan Baru.



Orang ramai kini boleh membayar zakat di kaunter bergerak yang disediakan oleh ZPP.



Kaunter bergerak ZPP disediakan bagi memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk membayar zakat.

Perniagaan Nasi Kandar Deen Maju, Kenanga Lub Construction Sdn Bhd dan Perda Venture Incorporated Sdn Bhd," katanya.

Mengulas lanjut mengenai promosi Kempen Akhir Tahun ZPP, beliau berkata, ZPP turut menggunakan khidmat media social influencer serta beberapa tokoh agama selebriti antaranya Ustaz Don Daniyal Don Bijayid.

Selain media arus perdana, ZPP juga memaksimumkan penggunaan media sosial dalam mempromosi kempen ini dengan mengadakan beberapa siri rakanaman video dan siaran langsung (live) bersama ustaz selebriti dan influencer.

"Usaha promosi juga melibatkan penggunaan perkhidmatan lima buah bas RapidPenang dengan cara pengiklanan di badan bas berkenaan.

"Bagi kempen di lapangan pula, kami membuka kaunter di pejabat-pejabat kerajaan dan juga swasta setelah prosedur operasi standard (SOP) bagi Fasa Tiga dan Empat Pelan Pemulihian Negara (PPN) dikuatkuasakan,"

katanya.

Beliau berkata, ZPP juga menyertai pameran sempena Program Penbrex 2021 yang berlangsung bermula 19 hingga 30 November lalu di Mydin Mall Bukit Mertajam.

Menurutnya, ZPP mengadakan kempen khusus berhubung pembayaran zakat secara tetap setiap bulan menerusi potongan gaji.

"Ramai yang masih beranggapan bahawa zakat hanya untuk yang kaya dan berharta sahaja. Sebenarnya mereka boleh membayar zakat secara tetap setiap bulan menerusi potongan gaji dengan kiraan tertentu.

"Sehubungan itu, kami mengadakan kempen melalui media sosial dan media arus perdana bagi menggalakkan masyarakat untuk membuat bayaran zakat melalui Skim Sakinah atau skim potongan zakat bulanan. Dengan menyertai skim ini, mereka layak untuk menyertai Skim Kafalah Mahabbah," katanya.

Galeri Pembayaran Zakat



PHARMANIAGA BERHAD - Diserahkan oleh Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga Berhad, En. Mohamed Iqbal Abdul Rahman



PERDA VENTURES INCORPORATED SDN BHD - Diserahkan oleh Eksekutif Pemasaran PERDA Ventures Incorporated Sdn Bhd, En. Muhammad Said Abdul Halim.



CIMB ISLAMIC BANK - Diserahkan oleh Pengarah Sektor Korporat CIMB Islamic, En. Akmal Hisham Aziz



PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN LAHAR BUBU - Diserahkan oleh Pengurus Ahli Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan Lahar Bubu, Datuk Md Zabidi Ariffin



AL HADDAD MARKETING & AL HADDAD MART - Diserahkan oleh En. Syed Hussain Syed Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif Al Haddad Marketing Sdn Bhd dan Al Haddad Mart.



RURAL CAPITAL BERHAD - RM 63,959.00 - Diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Rural Capital Berhad, En. Razali Hassan



BOUSTEAD PLANTATIONS BERHAD - Diserahkan oleh Datuk Haji Shah Headan Ayoob Hussain Shah, Pengarah Boustead Plantations Berhad



QSR BRAND (M) SDN BHD - Diserahkan oleh En. Hayazi Darus, Pemangku Ketua Jabatan Shariah dan Pematuhan Halal QSR Brand (M) Sdn Bhd



FGV TRADING SDN. BHD. - Diserahkan oleh Dato' Anas Chazali, Pegawai Khas FGV Trading Sdn Bhd



MCDONALD'S MALAYSIA - Zakat diserahkan oleh Eric Azmir Jaafar, Pengarah Urusran dan Rakan Operasi Tempatan McDonald's Malaysia



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN) - Diserahkan oleh Ketua Eksekutif PTPTN, En. Ahmad Dasuki Abdul Majid



LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) - Diserahkan oleh En. Zahidi bin Hashim, Pengarah CIDB PULAU PINANG



TELEKOM MALAYSIA BERHAD -
Diserahkan oleh En. Mohd Hasrul Nizam
bin Md Hashim Nordin
Pengurus Besar Negeri, TM Pulau Pinang.



GITN SDN. BHD (Government
IntegratedTelecommunications Network) -
Diserahkan oleh Tuan Haji Mohamad Zuraidy
bin Mohamad Noor, Pengarah Perniagaan dan
Operasi Negeri



SYARIKAT PAK ALI FOOD INDUSTRIES
SDN. BHD. - Diserahkan oleh Dato' Haji
Alias Haji Ali, Pengarah Urusan Pak Ali Food
Industries Sdn Bhd (PAFI)



WARISAN ALI GROUP SDN BHD - Dato'
Mohd Faizal Ali, Pengarah Urusan
Warisan Ali Group Sdn Bhd



Dato' Mohamed Aswan Seeni,
Mohamed Nizalath, Pengarah Pelita
Samudra Pertama (M) Sdn Bhd



GANI FAMOUS PASEMBUR, PADANG KOTA -
En. Jamil Kader Gani



IMPIAN COMMUNICATION, Georgetown -
En. Abu Hassan Haji Pakeer Mohd



MUQADDIM MART, ALMA -
En. Mujibur Rahman Habeeb



NORM AGENCY MOTOR PENANG -
En. Shaik Madar Mohd Ismail (Abang Boy)
& Isteri



AL WASIAH ENTERPRISE,
Teluk Kumbar



ABH SEJAHTERA ENTERPRISE,
Teluk Kumbar



DR ROSNAH ABU HASSAN - Klinik Penawar
& Dewan Bersalin Muslimah



PAK MAT WESTERN CAFE



DR AHMAD RUSTAM MOHD ZAINUDIN -
Klinik Pakar Kanak-kanak, KPJ Penang
Specialist Hospital



SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU **2022**

TERIMA KASIH PEMBAYAR ZAKAT

Ikhlas Daripada
Ketua Pegawai Eksekutif
Serta Seluruh Warga Kerja Zakat Pulau Pinang

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela [zakatpenang](#)



[zakatpenang.com](#) | [zakatpenang2u.com](#)

[/zakatpenang](#)

SALURKAN MAKLUMAT ASNAF

Orang ramai yang mempunyai maklumat asnaf atau lokasi asnaf di kawasan sekeliling anda boleh menyalurkan maklumat kepada kami melalui:

INFOLINE: **04-549 8088**

WHATSAPP: **018-989 9974**

018-989 9975



Hantarkan maklumat asnaf seperti berikut:

- ✓ Nama penuh
- ✓ Nombor kad pengenalan
- ✓ Nombor telefon
- ✓ Alamat tempat tinggal

*Terima kasih atas
keperihatinan anda
dalam membantu
asnaf zakat*

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

mindaCEOZPP

Harapan saya pada tahun 2022 pastinya supaya lebih ramai orang Islam membayar zakat kepada Zakat Pulau Pinang agar lebih banyak program bermanfaat dapat dilaksanakan dalam usaha kita membela hak asnaf di Pulau Pinang.

Inshaa Allah, Zakat Pulau Pinang sentiasa terbuka sedia menerima pandangan dan cadangan daripada pelbagai pihak bagi meningkatkan keberkesanan agihan dana zakat di Pulau Pinang.

Amran Hazali
CEO Zakat Pulau Pinang, MAINPP

01/2022



[zakatpenang.com](#) | [zakatpenang2u.com](#)

[zakatpenang](#)

04-5498088

"Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela"

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

AMRAN HAZALI
Ketua Pegawai Eksekutif
Zakat Pulau Pinang

SIDANG EDITOR

MOHAMAD FUAD
MD ISA
Timbalan Ketua Pegawai
Eksekutif: Pentadbiran

DR. HAJI MOHAMAD
SALLEH ABDULLAH
Pengurus Besar Jabatan
Khidmat Pengurusan

KETUA EDITOR

KHAIROL AZHAR ZULKIFLI
Pengurus Bahagian
Komunikasi Korporat

EDITOR

MOHAMAD FADZIL
JAMALUDDIN

GAMBAR & ILUSTRASI

AHMAD AZRUL BIN HALIT /
MOHD HUSSEIN MOHD YASSEN /
SITI JAUHARAH SILAH HUDIAN